

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [ HULU SELANGOR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci apakah perancangan Kerajaan untuk melaksanakan persempadanan semula lantaran pelaksanaan pendaftaran pengundi 18 tahun secara automatik dan apakah perancangan untuk melaksanakan pilihan raya dalam suasana pandemik COVID-19 berserta anggaran kos bagi melaksanakannya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

**(a) Perancangan Kerajaan untuk melaksanakan persempadanan semula lantaran pelaksanaan pendaftaran pengundi 18 tahun secara automatik**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan merupakan suatu kajian semula pembahagian sempadan-sempadan Bahagian Pilihan Raya sedia ada, bagi mengesyorkan apa-apa perubahan dengannya yang difikirkan perlu berdasarkan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

2. Dalam hubungan ini, urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Bagi maksud tersebut, tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025 manakala Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada tahun 2026.

3. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menganggarkan pertambahan pemilih selepas pelaksanaan umur mengundi 18 tahun dan pendaftaran secara automatik. Walau bagaimanapun, bilangan sebenar bahagian pilihan raya yang terlibat hanya akan diketahui selepas urusan pra-pendaftaran ke atas pemilih yang berkaitan selesai dilaksanakan. Namun demikian, sebagaimana dinyatakan di dalam Seksyen 2 Jadual Ketiga Belas, faktor pertambahan pemilih ini bukanlah faktor utama keperluan kepada kajian semula persempadanan.

**(b) Perancangan untuk melaksanakan pilihan raya dalam suasana pandemik COVID-19 berserta anggaran kos**

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sentiasa bersedia bagi menghadapi kemungkinan berlakunya Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15. Ini adalah penting bagi memastikan pengendalian penjalanan pilihan raya tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna terutamanya dalam tempoh pasca COVID-19.

5. SPR telah membuat persediaan dan perancangan yang menyeluruh meliputi aspek seperti keperluan bajet pilihan raya, peralatan, logistik, pembangunan sistem, pengurusan sumber manusia, latihan kepada petugas, Garis Panduan COVID-19 bagi Pelaksanaan Pilihan Raya dan juga aspek-aspek lain yang berkaitan.

6. SPR dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang meneliti dan merangka penambahbaikan Garis Panduan Pencegahan COVID-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya sama ada Pilihan Raya Umum (PRU) atau Pilihan Raya Kecil (PRK) yang baharu di mana isu kesihatan dan keselamatan dalam pelaksanaan pilihan raya menjadi keutamaan dengan mengambil kira situasi COVID-19 pada ketika ini. Garis panduan ini akan disesuaikan selaras dengan Fasa Pelan Pemulihan Negara dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan semasa di bawah Akta 342.

7. SOP bagi Pilihanraya Negeri Melaka dan Sarawak disesuaikan dengan keadaan semasa kes Covid-19 di lokasi PRN dilaksanakan serta telah diluluskan oleh KKM. Manakala, SOP bagi Pilihanraya Umum akan dicadang dan rangka bersesuaian dengan status semasa ketika ianya akan dilaksanakan. Anggaran keperluan peruntukan bagi pelaksanaan PRU-15 dengan mengambil kira pertambahan pemilih Undi 18 secara automatik serta pelaksanaan Garis Panduan Covid-19 adalah sebanyak RM1.4 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
(HULU SELANGOR)**

**SOALAN**

**Puan June Leow Hsiad Hui** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini pembinaan SJKT Ladang Minyak yang telah tergendala lebih 10 tahun. Apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan isu ini dan apakah status peruntukan yang telah diluluskan bagi membina sekolah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Minyak, Serendah, Selangor adalah berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK). Projek pembinaan gantian tapak baharu SJKT Ladang Minyak, Serendah, Selangor yang berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) merupakan projek di bawah Pakej Rangsangan Khas 2012-2014. Walau bagaimanapun, proses pertukaran hak milik tanah bagi SJKT Ladang Minyak ini masih belum dilaksanakan kerana isu penubuhan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) SJKT Ladang Minyak belum diselesaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua harta tetap kepunyaan LPS hanya boleh dipegang melalui suatu surat amanah kepada empat orang pemegang amanah yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Kumpulan Penyokong. Pemegang amanah tersebut akan berkhidmat selama mana dikehendaki oleh Lembaga Sekolah. Perkara ini diperuntukkan di bawah *Education (Grants) Regulations 1962 [L.N. 299]*

## SOALAN NO : 148

dan suratcara pengelolaan LPS SJK(T) Ladang Minyak. Memandangkan isu penubuhan Lembaga Sekolah SJK(T) Ladang Minyak masih belum selesai, tanah tersebut tidak boleh dipindah milik.

Dalam konteks SJKT Ladang Minyak ini, memandangkan LPS tidak boleh ditubuhkan kerana ketiadaan murid yang menyebabkan tiada wakil PIBG boleh dilantik, maka tiada pemegang amanah boleh dilantik bagi harta tetap kepunyaan LPS tersebut. Suratcara pengelolaan LPS SJKT Ladang Minyak juga masih terpakai sehingga kini kerana status pendaftaran sekolah masih aktif.

Berhubung status peruntukan projek, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menyediakan peruntukan setelah isu pindah milik tanah diselesaikan terlebih dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan isu berkenaan projek pembinaan SJKT Ladang Minyak ini perlu diselesaikan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada dan KPM sedang meneliti penyelesaian terbaik berkenaan perkara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
(HULU SELANGOR)**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Ahli Parlimen Kerajaan dan bukan Kerajaan perlu mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk memasuki sekolah. Mohon SOP yang jelas mengenai perkara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai prosedur standard bagi kehadiran orang kenamaan atau individu tertentu ke sekolah dan penggunaan premis atau kemudahan sekolah oleh pihak luar. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas 3/2008: Mengundang Orang-orang Kenamaan ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah Pihak Luar bertarikh 31 Mac 2008. Berdasarkan surat pekeliling ini, semua urusan pihak luar termasuk orang kenamaan untuk memasuki sekolah perlu mendapat kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri. Perkara ini juga telah dimaklumkan melalui surat peringatan yang bertarikh 11 November 2019.